*Bahasa merupakan alat komunikasi yang penting dalam kehidupan manusia, secara kronologis fungsi bahasa adalah untuk menyatakan ekspresi diri, alat komunikasi, alat untuk mengadakan integrasi dan adaptasi sosial dan sebagai alat untuk hubungan sosial. Dengan bahasa, seseorang akan melakukan komunikasi, baik ketika ia akan menyampaikan sesuatu yang ada dalam benaknya maupun menerima khabar atau pendapat dari orang lain. Bahasa adalah alat komunikasi yang digunakan manusia untuk berinteraksi dengan sesama yang lain. Bahasa memiliki sifat yang universal dan boleh digunakan oleh siapapun tanpa melihat ras, suku, status sosial, sehingga antarabangsa atau benua (Arifah, 2004:1). Brown mengemukakan bahawa bahasa juga digunakan sebagai alat komunikasi atau sarana pergailan sesama manusia (Tarigan, 1989:6).*

## SIRI DIALOG ILMU II: SEMINAR ETNOSAINS MALAYONESIA I

8 Jun 2013

anjuran bersama Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya(PDPUM) dan Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) di Bilik Seminar Katha.

8 Jun 2013 menyaksikan sebuah seminar bertemakan etnosains anjuran bersama Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya (PDPUM) dan Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) berjalan dengan lancar. Seminar ini yang dihadiri lebih 20 peserta, bermula dengan pengenalan serba ringkas oleh Dr. Alinor, Setiausaha Agung ASASI berkenaan dengan matlamat seminar serta ASASI dalam melaksanakan pemeribumian ilmu. Beliau juga turut mengalukan keahlian baru bagi yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan kearah pemeribumian tersebut.

Seminar seterusnya bermula dengan pembentangan pertama oleh Saudara Hanapi Jamaludin yang bertajuk "Sintesis Ilmu Kepimpinan Melayu Daripada Tradisi Hindu dan Islam". Saudara Hanapi secara umumnya mensimpulkan bahawa kajian beliau masih berada pada peringkat awal dan memerlukan penelitian yang lebih lanjut. Walaubagaimanapun, menurut beliau, sintesis ini merupakan tajuk yang menarik dan wajar diperbincangkan dengan serius dalam wacana-wacana keilmuan yang mendatang.

Pembentangan kedua pula melibatkan saudara Mohd Yunus Sharum, berdasarkan tajuk tesis kedoktoran beliau iaitu "Fitur-Fitur Morfologi Untuk Analisis Perkataan Bahasa Melayu". Tajuk ini merurutnya, merupakan hasil permasalahan daripada gabungan dua perkataan dalam konteks berbeza. Beliau memberikan contoh yang ketara iaitu "makan angin" dan "makan nasi" merupakan dua perkara yang jauh berbeza, tetapi ditafsirkan sama dalam bidang perkomputeran. Oleh itu, kajian beliau adalah untuk mengenalpasti penyelesaian yang wajar bagi

masalah ini. Kajian ini lagi sudah berada di peringkat akhir dan bakal diterbitkan tidak lama lagi.

Saudara Tarmizi Hasrah, selaku pembentang ketiga telah membentangkan makalah bertajuk "Adakah Nahu Bahasa Melayu Menurut Acuan Sendiri?". Tajuk ini menurutnya terinspirasikan daripada buku terbaru Dr. Shaharir yang banyak menimbulkan persoalan tanpa mengutarkan jawapan bagi setiap persoalan yang dilontarkan. Tarmizi, membandingkan beberapa ahli bahasa yang tersohor, cuba mencari serta menghipotesiskan status nahu bahasa melayu sebagai acuan sendiri. Namun pada akhirnya, saudara Tarmizi mensimpulkan tesis beliau ini tidak berjaya sepenuhnya atas faktorkekangan masa yang tidak mencukupi. Walaubagaimanapun, beliau berhasrat untuk meneruskan penyelidikan ini bagi seminar yang akan datang.

Pembentang terakhir, Dr. Alinor membentangkan makalah bertajuk "Tiga Paradigma Ekonomi Melayu". Dr. Alinor bermula dengan sejarah pembentukan Malaysia dan kegiatan ekonomi yang berlangsung sejak peristiwa tersebut. Menurut beliau, ekonomi Malaysia adalah ekonomi berasaskan pertanian walaupun cuba berselindung di sebalik perindustrian, kerana pada dasarnya, memang orientasi pengeluaran kita adalah berasaskan pertanian. Menurut beliau lagi, penyelidikan ekonomi perlulah berdasarkan kajian ilmuwan-ilmuwan terdahulu seperti Abdul Rauf Singkel yang banyak membicarakan sifat-sifat ekonomi yang ideal. Hamzah Fansuri dan HAMKA juga turut menyumbang dalam aspek ekonomi kebahagiaan, cumalah takrifan kebahagian itu yang perlu dikuantitikkan supaya dapat dijelmakan teori-teori ekonomi yang boleh bersaing dengan

teori ekonomi barat.

Seminar ini berakhir tepat pada jam 3.00 petang dengan jamuan makan tengah hari.



*Peserta yang hadir*



*Saudara Syamil menjadi pengurus majlis*



*Sesi pembentangan*



*Penyampaian ringkas oleh Dr Alinor*

## Intersection with King Abdul Aziz Centre for National Dialogue (KACND) representatives

The intersection was held on 18<sup>th</sup> of June 2013 (Tuesday). The intersection was done in Centre for Civilizational Dialogue seminar room, joined in by the Director Centre for Civilizational Dialogue, staffs, visiting professors and two representatives from KACND. The meeting was focusing on the collaborations that can be done between these two institutions such on opportunities to have focused discussions, exchanging ideas in organizing seminars and official functions. Furthermore, KACND also seemed to be interested in gaining information regarding concerning on the activities that was held in Centre for Civilizational Dialogue and on management system of the centre.

The intersection had indeed provides pathways for both institutions to

cooperate and collaborate as well as building a connection between two nations. There were other matters that being discussed like binding Memorandum of Understandings (MOU) to ensure that exchanging of academic literatures, staffs and students would run smoothly and efficient. All in all, the intersection had accomplished such interesting and brilliant output.



## Majlis Sambutan Hari Raya

**30 Ogos 2013 (Jumaat)** – Pusat Dialog Peradaban telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di bilik seminar Katha. Majlis ini diadakan bagi menikmati pelbagai juadah enak yang disediakan di samping dapat bertemu mesra mengeratkan silaturrahim dan bermaaf-maafan sempena Aidilfitri. Majlis ini juga bagi ‘Meraikan Lebaran, dan Mensyukuri Kemerdekaan’ disebabkan tarikhnya sangat hampir dengan tarikh kemerdekaan. Majlis Sambutan Hari Raya ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Dialog Peradaban Prof Madya Dr Raihanah. Selain itu majlis ini diserikan dengan acara pemotongan kek sempena hari kelahiran 2 orang staff PDP iaitu Puan Rozita dan Puan

Norennazwa. Turut hadir bagi meriahkan sambutan hari raya ini ialah Professor-professor pelawat yang menjadi tetamu dipusat Dialog Peradaban dan juga pembantu-pembantu penyelidik.



**PAMERAN REKA BENTUK TASKA**  
**Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak Sesi 2010/2011**  
**31 Mei 2013**  
**Dr Zuraidah Abdullah**

Pada 31 Mei 2013 telah berlangsungnya Pameran Rekabentuk Taska anjuran Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak Universiti Malaya Sesi 2010/2011 bagi memenuhi prasyarat kursus PPEK 3104 Perancangan Program dan Strategi Pengajaran V. 1 di bawah bimbingan Dr. Zuraidah Abdullah, Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dan juga Pensyarah PPEK 3104, Perancangan Program & Strategi Pengajaran v.1 Sem 2, Sesi 2012/2013. Objektif pameran ini adalah untuk Melatih Mahasiswa Ijazah Sarjan Muda PAKK mengaplikasikan pembelajaran pelajar sepanjang mengikuti kursus PPEK 3104. Selain itu, pameran ini telah memberi pendedahan kepada mahasiswa-

mahasiswa Fakulti Pendidikan dan Fakulti di sekitar Universiti Malaya memahami perancangan program dan strategi pengajaran bagi kanak-kanak yang berumur 5 tahun dan ke bawah oleh tokoh-tokoh yang berbeza dalam dunia pendidikan.

Pameran telah bermula pada jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang bertempat di Foyer Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Pameran telah dirasmikan oleh Prof. Dr Saedah Siraj, Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Dekan Fakulti Pendidikan telah memberikan ucapan tahniah dan syabas di atas usaha semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak sesi 2010/2011. Beliau telah melawat ke semua pelan kumpulan

rekabentuk taska yang terdiri daripada lima tokoh iaitu Waldorf, Glenn Doman, Dr. Claire, Montessori dan Howard Gardner. Juri bagi pameran tersebut terdiri daripada tiga orang pensyarah Dr Zuraidah Abdullah, Prof. Dr. Mariani Md Nor dan Dr Wong Seet Leng. Pelbagai kritikan dan bimbingan telah diberikan oleh ketiga-tiga juri. Ramai pelajar dari pelbagai fakulti telah melawat pameran tersebut dan mendapat pujian atas hasil usaha membuat reka bentuk taska dan telah memberi pendedahan kepada mereka berkaitan tokoh-tokoh terkenal dalam dunia pendidikan awal kanak-kanak.



## KONGRES PERDANA PENDIDIKAN KEBANGSAAN

27 Ogos 2013 ,

Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)

Nur Amirah Liyana Binti Razeman

Pada 27 Ogos 2013, Dr Zuraidah Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban merakap AJK Kecil Perasmian Kongres Perdana Pendidikan Kebangsaan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Melayu (MPM). Tema Kongres ini adalah *Memartabatkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015* yang dirasmikan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Tun Dr Mahathir Mohammad.

Kongres ini telah membincangkan lima topik utama yang berkaitan dengan dasar pendidikan negara. Seramai 77 orang pakar daripada pelbagai bidang telah terlibat secara langsung. Semua ahli Kongres berkenaan menyokong hasil usaha kerajaan bagi membina negara bangsa yang bersatu padu dengan memperkasa sekolah kebangsaan dan sekolah menengah. Kongres ini juga turut menyokong agar peperiksaan dilakukan dalam Bahasa Melayu di samping memberi peluang kepada para pelajar untuk mempelajari bahasa masing-masing. Selain itu, kongres ini juga turut mengusulkan resolusi yang mengandungi 10 cadangan usul mengenai pendidikan kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 29 Ogos 2013.

Kongres ini juga turut dihadiri oleh Setiausaha Agung MPM, Dr Hassan Mad, Pengerusi Kongres, Datuk Dr Kamaruddin Kachar serta Penolong Ketua Pengarang 1 Kumpulan Utusan, Datuk Zaini Hassan dan Ketua Projek Kajian Unjuran Keperluan, Bekalan Serta Dasar Penempatan, Pertukaran Guru Dan Kumpulan Pelaksana Kementerian Pelajaran Malaysia, Prof Datuk Dr Sufean Hussin. Ketua 1 gabungan persatuan penulis nasional (Gapena), Prof Datuk Dr Abdul Latiff Abu Bakar merupakan moderator bagi kongres ini. Dua orang pembantu penyelidik Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya membantu AJK Kecil

Perasmian iaitu Alam Shah dan Nur Amalina.



*Peserta-peserta yang hadir*



*Tun Dr Mahathir memberikan ucaptama*



*Barisan urusetia dan JKK*

*The congress mainly discussed on five major topics regarding on national educational policies that involved 77 experts from different aspects in terms educationally and non- educationally to be part of the congress. All the congress members had agreed and supported on government's efforts in maintaining a nation that based on unity and also empowering primary and secondary schools. The congress was also pointed out that examinations should be done in Malay Language and a part of that these ideas will certainly opening up doors for students to learn and appreciate their own native language.*

## PERTEMUAN PEMIKIR IBNU KHALDUN

Anjuran Jabatan Ketua Menteri bersama Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)

16 Ogos 2013

HOTEL CASA DEL RIO, MELAKA

Dr Zuraidah Abdullah

YBhg. Dr. Zuraidah binti Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (UM) Anjuran Jabatan Ketua Menteri bersama Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) pada 16 Ogos 2013 di Bilik Mesyuarat Hotel Casa Del Rio, Melaka. Pertemuan dan perbincangan ini diadakan bertujuan untuk mengkaji dan melihat pembangunan di Melaka, khususnya pelan "**Melaka Maju Fasa Kedua**" di samping memberi idea-idea untuk kemajuan Melaka di masa hadapan.

Perbincangan bersama ini dimulakan dengan ucapan pengisian dari YAB Ketua Menteri. Minit ucapannya adalah seperti berikut: Memperkenalkan pelan **Melaka Maju Fasa Kedua 2013-2023** yang lebih menumpukan usaha pengisian terhadap pelan Melaka Maju fasa pertama, yang dilaksanakan pentadbirannya oleh YBhg Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam, Menekankan hubungan antara manusia dengan Allah swt. "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali

*kaum itu sendiri yang mengubah apa apa yang pada diri mereka*", Program mengasah minda yang mengaplikasikan konsep *tuma'ninah dan iltizam dalam bekerja*, Perbincangan mengenai pembangunan di Melaka haruslah wasatiah dan keseimbangan antara fizikal dan rohaniah, Menegaskan sikap toleransi boleh bantu seimbangkan Malaysia untuk lebih maju ke hadapan, Menerangkan 5 asas kepada transformasi fizikal Melaka Maju iaitu dari segi agama, sukan, politik, ekonomi, dan sosio-budaya - pendidikan. Inginkekalkan transformasi ini dengan membina sumber manusia yang boleh mengekalikan kemajuan Melaka, Isu agungkan budaya asing. Contohnya budaya 5S dari Jepun di masjid yang memang sudah ada dalam Islam, Peranan masjid perlu terbuka. Masjid sepatutnya dijadikan satu pusat penyebaran ilmu kepada masyarakat seperti tuisyen center, ICT atau resource center.

Perbincangan kemudiannya disusuli dengan lontaran idea dan pandangan dari 13 ahli pemikir Ibnu

Khal dun yang hadir. Setiap cадangan dan idea yang dibincangkan adalah seperti berikut: YBhg. Prof Datuk Wira Dr Abd Latif bin Abu Bakar, YBhg. Prof Emeritus Datuk Wira Dr Mohd Yusof bin Hj Hashim, YBhg Prof Datuk Abdul Halim Bin Sidek, YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Datuk Wira Borhan, YBhg. Dr. Arbaiyah binti Mohd Noor, YBhg. Datuk Dr. Hj. Awang Sariyan, YBhg. Prof. Datuk Dr. Mizan Hitam, YBhg Prof Dr Zolkepli Buang, YBhg Prof Emeritus Dato' Dr Nik Hassan Suhaimi bin Nik Abd. Rahman, YBhg. Prof. Zakaria Stapa dan YBhg. Dr. Zukarnain bin Abdul Rahman.

**Gambar-gambar sekitar majlis berlangsung**



## REGIONAL CONFERENCE: TEACHER DEMAND, SUPPLY AND SERVICES; BENCHMARKING QUANTITY & QUALITY

11<sup>th</sup> June 2013 – 12<sup>th</sup> June 2013

Aestin Hotel, Petaling Jaya

Dr. Zuraidah Abdullah, Deputy Director Centre for Civilizational Dialogue, University of Malaya and also acted as the vice chairman in conjunction of University of Malaya Consultation Unit (UMCU) had handled a regional conference regarding on issues of Teacher Demand-Supply and services in context of Benchmarking Quantity and Quality. Datuk Dr. Amin Senin was invited as the guest of honor for the opening of the conference. The keynote speakers that were requested to give out detailed information concerning the issues were selected from several countries in order to enhance and in conjunction to embellish more information on the issues. The keynote speakers were Professor Cheng Yin Cheong from Hong Kong, Professor Lee Sing Kong from Singapore, Professor H. Ravik Karsidi together with Professor Masriam Bukit from Indonesia and Assoc. Professor Peter Aubusson from Australia. There are also local keynote speakers that were officially invited from different departments in Ministry of Education (MOE), Universiti Pendidikan Sultan Abdul Idris (UPSI), Institut Aminuddin Baki (IAB) and several others from University of Malaya as well. The participants that had joined in the conference were widely from Ministry of Education (MOE), Majlis Pengetua Sekolah Menengah, Faculty of Education conjointly Academy for Islamic Studies, University of Malaya.

The conference was held for two days and the main theme that surrounding the conference was on the "Norms, Forecasting Bases and Benchmarks in Planning Demand-Supply for Teachers". The interesting part in the conference was when the academicians, experts, researchers, policy makers and important stakeholders in education field joining forces together in presenting their models, current practices and research findings leading them in further discussing on future trends, latest directions and new challenges

that can upstage the teacher demand-supply and services. This appealing approach really helped the participants learned on the new dimension in administration strategies in planning and forecasting the demand and supply chain of teachers. The experiences shared by the regional speakers without a doubt had put distinctive ideas in participants' perspective on the issue.

Other issue that was highly being discussed was on the content concerning on the future of Malaysia's education system, and few questions arisen in relation to the implementation of the New Education Blueprint 2013-2025. In connection with the conference, the participants were divided into two symposium groups to discuss more on matters of "Curriculum Change- The Impact on Teacher Demand and Supply" as well as "Human Resource Planning for Teachers: Macro and Micro &

Quality and Quantity on Teacher Demand and Supply". The symposiums did attract all the participants to joint in and it was handled with tremendous success. The conference resolution imparted as the wrapped up for the whole conference activities and Professor Dr. Saedah Siraj officially closed up the ceremony.



**Regional Committee with presenters**



**with participants**



**Discussion**



**Regional Committee**

*Persidangan Serantau yang dijalankan hasil kolaborasi Fakulti Pendidikan dan Pusat Dialog Peradaban memberi peluang kepada para peserta untuk berkongsi pendapat, memahami dengan lebih mendalam dan juga dapat mendengar pengalaman para pembicara dari serantau dunia juga tempatan mengenai Permintaan, Bekalan dan Perkhidmatan para guru dalam tuntutan kemodenan dunia. Selain daripada itu, para peserta berpeluang untuk menyelidik kemahiran kreativiti mereka dalam mereka bentuk model perancangan yang kritis seiring dengan arus kemajuan global untuk sistem pendidikan*



**Discussion is impossible with someone who claims not to seek the truth, but already to possess it ~ Romain Rolland, *Above the Battle***



**Perception can be one-sided or variant: "Glass half empty or half full." There usually is more than one way of perceiving. Thoroughly check your inner dialogue**

~ T.F. Hodge, *From Within I Rise*



## Artikel Sumbangan

### **Kritik Bandingan Martin Heidegger, Oswald Spengler dan Jacques Ellul terhadap teknik.**

Oleh : Syamil Shakir (Penolong Penyelidik)

#### **Sambungan dari siri pertama edisi bulletin 23**

##### **Imbasan Penulisan Ketiga-tiga subjek Kajian**

Secara amnya, penulisan ini tidaklah mendalamai keseluruhan gagasan pemikiran ketiga-ketiga sosok tersebut . Subjek-subjek kajian hanyalah melibatkan satu makalah-buku yang ditulis masing-masing iaitu Heidegger melalui *Die Frage nach der Technik*(*The Question Concerning Technology*), Oswald Spengler melalui *Der Mensch und die Technik*(*Man and Technics*) dan Jacques Ellul melalui *La technique ou l'enjeu du siècle* (*The Technological Society*)

Heidegger membahagikan teknologi kepada dua iaitu "singkapan" dan "bingkaian". Teknologi yang menyingkap melibatkan penemuan potensi tersembunyi yang dikan-dungi alam tabi'e misalnya kincir angin. Ciri-ciri kincir angin ialah ia bekerjasama dengan alam tabi'e bagaimana keduanya dapat menghasilkan tenaga bersama-sama. Teknologi ini menghormati ekologi alam tabi'e kerana tidak melibatkan kemusnahan alam yang jelas. Teknologi bingkaian melibatkan penukaran wajah alam tabi'e menjadi suatu "rizab tersedia" untuk kegunaan manusia tanpa menghormati keseimbangan ekologi alam tabi'e. Heidegger mengutarakan contoh empangan hidroelektrik sebagai teknologi tersebut yang menyebabkan krisis ekologi masa kini. Teknologi ini merupakan suatu bentuk pendedahan. Baginya, bentuk pendedahan ini tidak bersamaan dengan teknologi singkapan yang sebelumnya. Heidegger secara keseluruhannya menggambarkan baha-wa teknologi moden telah menerobos masuk ke dalam seluruh

pemikiran dan perasaan kita ke arah menanggapi alam sebagai suatu "rizab tersedia", bersifat komoditi dengan nilai kepenggunaan yang ada. Keprihatinan Heidegger, secara umumnya adalah gangguan terhadap tabi'e manusia dan kehilangan makna berpunca daripada penglibatan teknik dalam kehidupan. Heidegger tidak menumpukan kemusnahan yang dilakukan oleh teknologi-teknologi tertentu. Bagi Heidegger, bahaya berpunca daripada teknologi tersebut adalah bagaimana teknologi membongkar sesuatu. Intipati teknik membawa kepada kemungkinan yang "pembongkaran teknik" akan menyebabkan pendedahan yang lebih asli terhadap dunia ini seperti puisi dan seni akan tersekat. Inilah bahaya terbesar yang dibawa oleh teknik. Bagi menjarakkan diri daripada teknik, Heidegger menyeru agar teknologi tidak dilihat dari sudut instrumental semata-mata.

Spengler mendefinisikan teknik sebagai taktik kehidupan dalam perjuangan untuk hidup. Haiwan juga digambarkan mempunyai teknik masing-masing. Dikotomi herbivor-karnivor digunakan dalam menggambarkan beberapa teknik yang berbeza, melibatkan takdir dilahirkan untuk memimpin atau untuk patuh. Walaubagaimanapun, bagi manusia, istimewanya mampu mencipta pelbagai teknik-teknik baru yang memuncul suatu tekanan budaya dan metafizik yang berbeza. Kandungan teknik secara uniknya terhubung dengan jiwa manusia. Spengler berbeza dengan sosok-sosok lain sebelumnya, memberi amaran berkenaan penggunaan teknologi secara ghai-

rah membawa kepada penyerahan kemanusiaan kepada teknik. Dia bersikap kritis terhadap golongan yang menganggap teknik sekadar penglibatan jentera dan tujuan asal bagi teknik adalah unsur kepenggunaannya. "Neo-Romantisisme" yang disebut oleh Goebbels umpamanya, dilihat sebagai penguasaan teknologi tanpa batas terhadap manusia, bukannya seperti yang difahami oleh Goebbels. Spengler secara terus terang memberi amaran bahawa keghairahan dalam menerima teknologi akan membentuk suatu penyerahan secara sukarela terhadap teknik seperti tragedi Faust. Teknologi, bagi Spengler adalah suatu tekanan budaya, yang mampu membentuk sebuah kebudayaan yang baru langsung lantas membentuk sebuah tamadun jika tidak diawasi atau diragui kepenggunaannya dan mampu memusnahkan masyarakat Jerman dengan kebudayaan yang baru tersebut. Puncanya adalah kerana kegagalan memahami intipati teknik. Teknik, sebagai satu tekanan metafizik yang menggerakkan semua makhluk menjuruskan kesemuanya supaya saling bersaing untuk mendominasi satu sama lain. Kedua-dua "jiwa manusia" dan "intipati teknik" adalah melengkapai satu sama lain di mana tujuan utamanya adalah mencipta dan mengubahsuai. Jiwa manusia akan sentiasa meronta untuk meneruskan segala penciptaan dan pengubahsuai teknik secara berterusan.

Akan bersambung di edisi akan datang....

## EXTERNAL EVENTS AND NETWORKING

### Dr Zuraidah Abdullah

#### Mesyuarat Agung Suruhanjaya Kebangsaan Unesco Malaysia

27 JUN 2013

Dr Zuraidah Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban menghadiri Mesyuarat Agung Suruhanjaya Kebangsaan Unesco Malaysia pada 27 Jun 2013 di Bangunan Parlimen. YAB. Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin, Menteri Pelajaran Malaysia merangkap Presiden Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) telah mempengerusikan Mesyuarat Agung Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO (SKUM) untuk Kali ke-37. Salah satu agenda dalam mesyuarat tersebut adalah laporan Jawatankuasa Kecil Tetap (JKT) SKUM Pendidikan, Sains, Kebudayaan, Sains Sosial, Komunikasi, Pengajian Tinggi dan Hubungan Luar oleh Pengerusi setiap JKT SKUM. Dibawah JKT Pengajian Tinggi, YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan membentangkan laporan tersebut.

Mesyuarat ini juga telah membentangkan semua aktiviti dan program di bawah UNESCO yang telah/akan dilaksanakan dari Jun hingga Disember 2013 dan Januari hingga Disember 2014, memberi cadangan program dan aktiviti bagi tahun 2014 dan [englibatan pegawai dan pelajar yang mewakili Malaysia di bawah aktiviti atau program UNESCO.




**AKTIVITI BULAN PUASA: SESI TAZKIRAH**



#### **TRANSGENDERISM: A MALAYSIAN PERCEPTION**

By . Dr Zuraidah Abdullah

Published by IPPP UM



### Tazkirah oleh Dr Ramzi dan Prof Golam di Bulan Ramadhan

Di antara isi tazkirah yang disampaikan oleh Dr Ramzi

Nabi saw bersabda, "Setiap amalan baik anak Adam adalah untuk dirinya, setiap kebaikan digandakan dengan sepuluh kali ganda bahkan sampai seratus kali ganda. Allah berfirman; kecuali puasa; ia adalah untukKu dan Akulah yang akan membalaunya. Sungguh dia telah meninggalkan syahwatnya, makannya dan juga minumnya demi Aku. Untuk setiap orang yang puasa ada dua kegembiran; kegembiraan ketika berbuka dan kegembiraan ketika bertemu Allah. Perubahan bau mulut orang yang berpuasa lebih baik bagi Allah di bandingkan wangian kasturi". (HR Bukhari dan Muslim).

Nabi saw bersabda, "Tiga doa yang sangat mustajab, doa orang yang puasa, doa orang yang di zalimi dan orang yang musafir". (HR Bukhari)

Nabi saw bersabda, "Doa yang tidak ditolak bagi orang berpuasa ialah ketika dia berbuka." (HR Ibn Majah)

Nabi saw bersabda, "Sesiapa yang menjamu makanan untuk berbuka bagi orang yang berpuasa, pahalanya sama seperti pahala orang berpuasa, iaitu pahala orang berpuasa yang tidak dikurangkan walau sedikit".(HR at-Tirmizi)

Nabi saw bersabda, "Bukanlah puasa yang sebenar orang yang hanya tidak makan dan tidak minum, puasa yang sebenar adalah orang yang tidak melakukan perbuatan dan perkataan yang lagha (sia-sia) dan tidak bercakap perkataan yang keji." (HR Hakim, Ibnu Hibban dan Baihaqi)

Isi tazkirah Prof Golam pada sambungan tazkirah seterusnya.

Abu Hurairah r.a. berkata: Ya Rasulullah dari apakah dibuat syurga itu? Jawabnya: Dari Air. Kami bertanya: Beritakan tentang bangunan syurga! Jawabnya yang bermaksud:

Satu bata dari emas dan satu bata dari perak dan lantainya kasturi yang semerbak harum, tanahnya dari za'faran, kerikilnya mutiara dan vakut, siapa yang masuk dalamnya senang tidak susah, kekal tidak mati tidak lapuk pakaianya, tidak berubah mukanya.

Abu Hurairah r.a. berkata: Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya di dalam syurga ada pohon besar sehingga seorang yang berkenderaan dapat berjalan di bawah naungannya selama seratus tahun tidak putus naungannya, bacalah: Wa dhilin mamdud (dan naungan yang memanjang terus). Dan di dalam syurga kesenangannya yang tidak pernah dilihat mata atau didengar oleh telinga, bahkan tidak pernah terlintas dalam hati (perasaan) manusia, bacalah kamu: Maka tidak seorangpun yang mengetahui apa yang tersembunyi bagi mereka dari kesenangan yang memuaskan hari sebagai pembalasan apa yang telah mereka lakukan. Dan tempat pecut di dalam syurga lebih baik dari dunia seisinya. Bacalah ayat yang bermaksud: Maka siapa dijauhkan dari api dan dimasukkan dalam syurga bererti telah untung.

Ibn Abbas r.a. berkata: Sesungguhnya di dalam syurga ada bidadari yang dijadikan dari empat macam: misik, anbar, kafur dan za'faran, sedang tanahnya dicampur dengan air hidup (hayawan) dan setelah dijadikan maka semua bidadari asyik kepadanya, andaikan ia berludah dalam laut tentu menjadi tawar airnya, tercantum di lehernya: Siapa yang ingin mendapat isteri seperti aku maka hendaklah taat kepada Tuhanmu.



## **SEMINAR ANTARABANGSA PENGAJIAN MELAYU 2013** **Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya**

Pada 29-30 Ogos 2013, Dr Zuraidah Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya telah hadir untuk seminar ini dan telah membentangkan tajuk kajian bersama dengan Pn Maria Tahir dan Prof Madya Dr Zahir Ahmad yang bertajuk 'Kajian Perbandingan Kepimpinan Jawa Dalam Pendawa Lebur MSS 737 Dari Perspektif Kepimpinan Rasullullah saw dalam peperangan'.

Seminar ini adalah seminar tahunan dan bertemakan 'Transformasi Pengajian Melayu: Menyusur Akar Merungkai Alam'. Seminar ini telah dihadiri oleh ahli-ahli akademik di peringkat tempatan dan antarabangsa. Mereka telah membincangkan pelbagai topik kajian seperti Bahasa / Linguistik, Linguistik Terapan, Isu-isu Sosio-budaya, Kesusasteraan, Sastera Bandingan, Kritikan Sastera, Isu-isu Kesenian Melayu, Seni Kontemporer, Seni dan Warisan, Sains Politik, Seni Bina Melayu dan Landskap Melayu.

Pembentangan	Tajuk Kertas Kerja
15.45 - 16.05	Robaidah Haron Womans and Identity: Penelitian Cakap Wasana Ummi & Najib Razzak
16.05 - 6.25	Muhammad Zhafry Hakim Bin Abu Khair Attitudes And Motivation In Learning English As A National Language Amongst Students In Secondary School (SMK) And Chinese Independence In Johor Bahru
7.5 - 1.5	Pujiharto, M.Hum. Berani Berbagi dan Berboda dalam Dunia Priyayi Karya Umar Kayam
2.5 - 3	Faridah Sahari Nukun: How Things Being Measured
3 - 3.30	Zuraidah Abdullah Maria Tahir Zahir Ahmad Kajian Perbandingan Kepimpinan Jawa Dalam Pendawa Lebur MSS 737 Dari Perspektif Kepimpinan Rasulullah Saw Dalam Peperangan
Sesi Soal Jawab	



### **Majlis Dua Negara: Penanda Aras di Madrasah Aliyah Negeri (MAN) Bandung Indonesia dan Sekolah Menengah Malaysia**

Pada 3 hingga 6 Jun 2013, Dr Zuraidah Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban telah dijemput sebagai pembentang ke Majlis Dua Negara: Penanda Aras di Madrasah Aliyah Negeri (MAN) Bandung Indonesia dan Sekolah Menengah Malaysia. Tajuk pembentangan adalah berkaitan tentang kepentingan hubungan pendidikan antarabangsa: Malaysia dan Indonesia. Bagi pertama kalinya guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18, Shah Alam Selangor telah menghadiri majlis ini. Seramai 20 guru sekolah ini ikut serta sebagai peserta. Aktiviti ini juga merupakan lawatan balas setelah sebanyak dua kali Delegasi Ilmiah Madrasah Aliyah Provinsi Jawa Barat, Indonesia datang ke Malaysia dan telah mengadakan Memorandum Persefahaman dengan pihak Sekolah Menengah Seksyen 18 pada 14 November 2012. Pertemuan guru-guru daripada dua Negara ini telah memberi ruang kepada mereka bertukar-tukar idea-idea baru serta perkongsian ilmu dan pengalaman dalam pengurusan pentadbiran dan PdP sesama mereka. Dr Zuraidah Abdullah juga merupakan pegawai perantara dan penyelaras program persefahaman bagi pihak PDP UM, Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18 dan MAN. Pentadbir dan guru-guru telah dapat berdialog bersama dengan pihak pengurusan dua Madrasah Aliyah iaitu Madrasah Aliyah Negeri I Kota Bandung dan Madrasah Aliyah Negeri Subang Bandung tentang sistem pendidikan agama di Indonesia. Selain itu, kami juga diperkenalkan dengan pelbagai adat budaya bangsa Sunda dan Jawa di Indonesia seperti tarian Singa-singaan dan makanan tradisional.



## EXTERNAL EVENTS AND NETWORKING

### Dr Shaharir Mohammad Zain

12 Mei 2013 : Membentang Makalah Undangan " Tabii Kepemimpinan Raja Mandalika Terengganu" di Seminar Batu Bersurat Terengganu, di Kuala Terengganu

15 Jun 2013 : Membentangkan makalah undangan., "Epistemologi Malayonesia Berbahasa Melayu" di Forum Arus Melayu anjuran Institut Pulau Pinang, di Pulau Pinang.

26 Jun 2013: Menghadiri perjumpaan Perunding Undangan Penggubalan Kurikulum Ijazah dan Siswazah dalam Bidang Kewangan Islam di Intercontinental Hotel Kuala Lumpur anjuran UIAM

27 Jun 2013: Membentang makalah undangan, "Bagaimakah Sains Matematik Malayonesia dapat ditemui di dalam manuskrip dalam bahasa Melayu-Jawi pra -abad ke-20 M" di Seminar Etnomatematik Siswazah, anjuran Pelajar Siswazah Sains Matematik UKM.

29 Jun 2013: Menghadiri pertemuan rombongan sarjana Taiwan dengan sekumpulan sarjana Malaysia anjuran Institut Hadhari UKM & ASASI UKM bagi membincangkan kerjasama penyelidikan etnosains antara kumpulan sarjana Taiwan dengan kumpulan di Malaysia

30 Julai 2013: Mempengerusikan pertemuan delegasi sarjana Aceh dengan sarjana pilihan INSPEM dan ASASI di INSPEM, UPM bagi Membincangkan kerjasama penyelidikan etnosains Malaysia dengan Universiti-universiti di Aceh.

2 Ogos 2013 : Menghadiri Mesyuarat Perancangan Seminar Antarabangsa Kepemerintahan Islam anjuran MAPPIM-PAKSI di Pejabat MAPPIM di Kuala Lumpur.



# Peace & Harmony

*Peace cannot be kept by force.  
It can only be achieved by  
understanding.*

Albert Einstein



The great secret in salam is it brings love, tranquility and peace to the person receiving the greeting.

Habib Kadhim Al-Sadaaf

**"There is no way to  
peace; peace is the way."**  
— Mahatma Gandhi



Like

Pusat Dialog Peradaban UM / Centre For Civilisational Dialogue UM

Jika anda ingin menghantar sebarang bentuk penulisan/artikel atau mempunyai sebarang soalan boleh di emailkan kepada alamat berikut dialog@um.edu.my